

Hampakan kami, usah sua muka tebal lagi

Oleh Kalimullah Hassan

AHLI Parlimen yang baru dipilih Ahad lalu mulai menjenguk rakyat susah dan miskin serta menghulurkan bantuan. Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) pula mula melawat mangsa kebakaran bagi menolong meringankan beban.

Walaupun pilihan raya umum baru berlalu, beberapa wakil rakyat Barisan Nasional (BN) sudah melawat kawasan sebagai memenuhi janji yang dibuat dalam manifesto dan ikrar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bahawa mereka akan berkhidmat untuk rakyat.

Umum mungkin berkata, orang baru memang begitu. Begitupun, hakikat bahawa mereka sudah turun padang menemui rakyat adalah petanda meyakinkan dan khidmat itu perlu dikekalkan jika mereka mahu membuktikan betapa tersasarnya tanggapan sesetengah pihak.

Wakil rakyat mesti mempunyai peranan lebih besar rang mengatasi lawatan ke kawasan dilanda tragedi atau bencana alam.

Tidak kiralah mewakili parti pembangkang atau berada dalam komponen BN, golongan terpilih itu bertanggungjawab untuk memenuhi keperluan rakyat yang meletakkan mereka

pada kedudukan sekarang.

Pemimpin Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata wakil rakyat dan Ahli Parlimen perlu mempunyai rumah di kawasan pilihan raya masing-masing serta menghabiskan beberapa hari bagi mendengar dan menyelesaikan masalah rakyat.

Amalan Ahli Parlimen yang cuma pulang ke kawasan apabila berkesempatan tidak lagi terpakai kerana rakyat kini semakin matang, berpendidikan dan paling penting, menyedari bahawa pilihan raya memberikan mereka kuasa untuk melakukan perubahan.

Kuasa itu sudah pasti akan digunakan secara bijaksana.

Pilihan raya umum yang baru lalu menyaksikan peningkatan sokongan pengundi terhadap BN kerana janji yang diberi dan harapan yang dilihat menerusi ikrar Abdullah.

Sudah hampir 14 tahun saya menetap di Subang Jaya, tetapi saya tidak pernah melihat kelibat Ahli Parlimen kawasan itu atau mengetahui sebarang aktiviti anjurannya. Mujurlah Majlis Perbandaran Subang Jaya proaktif dalam tindakannya, menyediakan perkhidmatan baik dan tidak banyak yang boleh dirungutkan penduduk melainkan masalah bekalan elektrik serta air terputus, di samping kesesakan lalu lintas.

Kawasan saya mengalami persem-

padanan semula dan saya kini mempunyai Ahli Parlimen baru.

Kalau bukan kerana calon baru di situ, saya tidak tahu berapa ramai pengundi akan menolak BN. Saya juga tidak tahu berapa ramai yang akan menolak BN jika bukan kerana terpicat dengan Abdullah.

Menjelang pilihan raya akan datang, jika Ahli Parlimen dan Adun di kawasan kita atau di mana sekalipun adalah wakil yang tidak pernah menampilkan muka dan tidak membantu di kala diperlukan, maka mereka sememangnya mempunyai 'muka tebal' jika berani datang meminta undi kita.

Kali ini kita mempunyai ramai Adun dan Ahli Parlimen muda. Mereka idealistik dan bersemangat. Ada kalanya, kita sendiri berasa tidak bermaya dan malas jika tiada yang datang mengingatkan. Justeru, Perdana Menteri perlu mengawasi perkembangan wakil rakyat ini dan jika merosot mereka perlu disedarkan.

Mungkin mereka boleh menjadikan Ahli Parlimen terdahulu seperti mendiang Tan Sri Dr Tan Chee Khoon atau contoh paling hampir, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, sebagai idola.

Walaupun menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun, Dr Mahathir tidak pernah mengecewakan rakyat di kawasannya. Beliau kerap melawat


dan melayan permasalahan mereka. Tidak kiralah sama ada ketika musim perayaan, bencana alam melanda, merancang industri atau infrastruktur, beliau melakukan segala-galanya serentak dengan agenda membawa negara mengecap kejayaan sedia ada.

Dalam perkhidmatannya sebagai Ahli Parlimen Kepala Batas sejak 26 tahun lain. Abdullah juga tidak pernah lalai melawat rakyat kawasannya dan mendengar masalah serta merancang kemudahan lebih baik buat mereka.

Apabila BN mendapat mandat majoriti dua pertiga yang diperlukannya, bukanlah mengejutkan apabila Abdullah menyebut satu nama - Dr Mahathir - sebagai insan yang bertanggungjawab membina asas ke arah kejayaan mantap BN pada pilihan raya umum kali ini,

Wakil rakyat BN, baik yang baru mahupun yang dipilih semula patut mengambil iktibar daripada keadaan itu dan tidak menggunakan jawatan barn mereka sebagai batu loncatan ke arah kedudukan sosial yang lebih tinggi, mendapat gelaran Datuk dan mengabaikan tanggungjawab terhadap golongan yang memilih mereka.

Peruntukan tahunan yang diberi perlu dimanfaatkan menerusi perancangan teliti supaya pengundi menik-



DR MAHATHIR bertemu pengundi ketika membantu kempen calon BN di Wang.

mati faedah terbaik.

Benar, elau mereka tidak sebanyak mana dan mungkin kerajaan boleh mengkaji semula jumlahnya. Begitupun, mereka menyedari semua itu ketika memasuki gelanggang melobi supaya dipilih dan kini apabila sudah mendapat apa yang dimahukan, mereka perlu meneruskan tugas tanpa banyak soal.

Kebanyakan wakil rakyat kali ini masih muda, justeru mereka boleh menyumbang tenaga dan masa untuk berkhidmat. Sekali lagi, mereka perlu menjadikan Dr Mahathir sebagai sumber inspirasi. Pada usia 78 tahun, beliau berkempen secara berterusan

untuk BN dan kegigihan itu membolehkan penggantinya di Kubang Pasu. Datuk Johari Baharom, dipilih dengan majoriti yang jauh lebih besar berbanding dulu.

Kepada pemimpin seperti Dr Mahathir, **Chee Khooon, C Y Choy** yang pernah menjadi Adun Bebas dan ramai lagi yang tidak pernah jemu menabur bakti, kami sanjungi segala pengorbanan anda.

Kepada yang baru dilantik, kami harap anda akan melaksanakan tugas dengan baik, Kami meletak harapan tinggi kepada anda. Jika anda menghampakan kami, jangan lagi meletak harapan kepada kami selepas ini.